



Bersama Prof Madya Dr Mastura Badzis

Pensyarah Kanan Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling UIA



Penderaan emosi kanak-kanak

BH

215/17

ms-b4



Sukar dilihat dengan mata kasar tetapi beri kesan mendalam

Soalan 1

Saya guru yang baru ditugaskan mengajar di kelas Tahun Satu.

Saya ingin tahu apakah faktor boleh menyebabkan kanak-kanak mengalami tekanan penderaan emosi?

**Wan Rozila
Wan Azree
Maran, Terengganu.**

Penderaan emosi yang dialami kanak-kanak mungkin kurang diperkatakan, berbanding penderaan fizikal. Ini kerana ia sukar dilihat dengan mata kasar dan tidak nampak kesan celanya pada tubuh badan.

Seseorang kanak-kanak dianggap sebagai didera emosinya apabila dia disuruh melakukan perkara di luar batas kemampuannya. Harapan tinggi diletakkan kepada kanak-kanak tanpa mengambil kira tahap kebolehan dan keupayaannya turut dianggap sebagai mendera emosi si kecil.

Ini menyebabkannya tertekan, tidak cukup tidur, takut tidak siap kerja sekolah, bimbang dimarahi dan sebagainya.

Dalam hal ini emosinya 'didera' tanpa sedar kerana tugas yang diberikan tidak berpadanan dengan kemampuan dan keupayaannya.

Kurang empati

Kurang empati terhadap apa yang dialami kecil juga penderaan emosi. Misalnya, pelajar yang baru belajar menulis disuruh menulis dengan tulisan cantik dan sempurna.

Seorang kanak-kanak yang hilang belajarnya kerana

penjagaannya, si adik terjatuh lalu dia dimarahi.

Paksa anak

Memaksa anak melakukan sesuatu yang tidak diminati atau sukainya juga satu bentuk penderaan emosi. Meskipun minat seseorang itu boleh dipupuk, tetapi jika cara pemupukan adalah dalam bentuk paksaan dan apa yang dipaksa dilakukan di luar batas kemampuannya, ini bermaksud si anak mengalami penderaan emosi.

Kanak-kanak yang sering ditakut-takutkan dengan hukuman berat seperti dirotan sehingga menyakitkan atau

Contohnya, guru menyuruh si kecil menyiapkan tugas Matematik yang banyak dalam satu masa dan memintanya hantar keesokan hari. Sedangkan, si kecil juga terpaksa menyiapkan tugas sekolah lain untuk dihantar pada waktu dan hari yang

yang hilang haknya kerana terpaksa melakukan sesuatu yang bukan tanggungjawabnya juga dianggap sebagai penderaan emosi. Misalnya, seorang kakak terpaksa ponteng sekolah kerana terpaksa menjaga adik di rumah. Semasa dalam

menyakitkan atau digertak akan dikurung dalam bilik gelap, turut mengalami penderaan emosi meskipun hukuman itu tidak dilaksanakan. Rasa takut dan cemas yang menghantui diri sudah cukup menjadikan mereka didera dari segi emosi.